



UNIVERSITI PUTRA MALAYSIA

**PENGUASAAN IMBUHAN DALAM KALANGAN MURID BUKAN
MELAYU**

AMIRRA SHAZREENA BINTI AMINUL RAZIN

FBMK 2019 1



PENGUASAAN IMBUHAN DALAM KALANGAN MURID BUKAN MELAYU

Oleh

AMIRRA SHAZREENA BINTI AMINUL RAZIN

Tesis ini dikemukakan kepada Sekolah Pengajian Siswazah, Universiti Putra Malaysia, sebagai memenuhi keperluan untuk Ijazah Master Sastera

Januari 2019

Semua bahan yang terkandung dalam tesis ini, termasuk teks tanpa had, logo, iklan, gambar dan semua karya seni lain, adalah bahan hak cipta Universiti Putra Malaysia kecuali dinyatakan sebaliknya. Penggunaan mana-mana bahan yang terkandung dalam tesis ini dibenarkan untuk tujuan bukan komersil daripada pemegang hak cipta. Penggunaan komersil bahan hanya boleh dibuat dengan kebenaran bertulis terdahulu yang nyata daripada Universiti Putra Malaysia.

Hak cipta © Universiti Putra Malaysia



DEDIKASI

Segala puji bagi Allah

yang maha pengasih lagi
Maha penyayang...

Ya Allah... ya tuhan ku

Aku bersyukur kepada Mu
Berkat rahmat Mu
Memberiku kekuatan
Mengharungi pahit maung
dalam mengejar erti sebuah kejayaan

Untukmu suamiku

Ahmad Shahinaz bin Abdul Aziz
Aku bersyukur dipertemukan suami sebaikmu
Sentiasa menyokongku tanpa jemu
Semoga Allah memberkati hubungan kita hingga syurga
Kepahaman mengharungi cabaran akan memberikan kebahagiaan kelak

Untukmu mama dan abah tercinta

Aminul Razin Abdul Aziz dan Zaramah Saari
sumber inspirasiku, Menjadi pendorong buatku mengenal erti hidup
Aku sentiasa doakan agar dimurahkan rezeki selalu
Masih tersemat dalam kotak fikirku
Pesamu Jadilah orang yang dihormati walau di mana sahaja

Untukmu adik-beradikku

Enam Amirrul, Zarith, Zarhafeeq, Nazreen, Neezar, Nazmeer, Zaquan
Tanpa kalian hidup ini kosong
Kehadiranmu membuat jiwa ini terhibur
Kita sama-sama merakam suka dan duka
Dalam mengecapi kehidupan berkeluarga

Untukmu pensyarah yang dikenasihi

Prof.Madya Dr. Vijayaletchumy Subramaniam
Engkau ibarat matahari yang menerangi bumi
Dan juga menerangi hati anak-anak didikmu
Yang tidak pernah lelah memberi tunjuk ajar
Mengajar dan mendidik tanpa jemu
Moga tuhan sentiasa memberkatimu dan keluarga selalu

Abstrak tesis yang dikemukakan kepada Senat Universiti Putra Malaysia sebagai
memenuhi keperluan untuk ijazah Master Sastera

PENGUASAAN IMBUHAN DALAM KALANGAN MURID BUKAN MELAYU

Oleh

AMIRRA SHAZREENA BINTI AMINUL RAZIN

Januari 2019

Pengerusi : Profesor Vijayalethchumy Subramaniam, PhD
Fakulti : Bahasa Moden dan Komunikasi

Kajian ini memfokuskan penguasaan imbuhan awalan dan akhiran dalam kalangan murid bukan Melayu. Objektif kajian ini adalah untuk mengenal pasti kesilapan imbuhan awalan dan akhiran yang dilakukan oleh murid SJK(T) berdasarkan Teori Analisis Kesilapan Corder (1973), menjelaskan faktor masalah penguasaan imbuhan dalam kalangan murid SJK(T) dan menghasilkan modul untuk memantapkan penguasaan imbuhan dalam kalangan murid SJK(T) menggunakan pendekatan DDR. Pendekatan Penyelidikan Reka bentuk dan Pembangunan (DDR) dan Teori Analisis Kesilapan Corder (1973) digunakan sebagai landasan kajian ini. Penyelidikan ini menggunakan kaedah pemerhatian, temu bual dan tinjauan lapangan. Alat yang digunakan dalam kajian ini ialah ujian penilaian kemahiran imbuhan dan soal selidik. Pengkaji telah memilih 15 imbuhan awalan dan 15 imbuhan akhiran dalam membina soalan untuk diuji dalam kalangan 69 orang responden, iaitu murid darjah lima. Data dianalisis secara kuantitatif dan kualitatif. Dapatkan kajian menunjukkan bahawa Analisis Kesalahan imbuhan awalan yang paling banyak dilakukan oleh murid berdasarkan Teori Analisis Kesalahan Corder (1973) ialah penambahan unsur yang tidak perlu, iaitu sebanyak 60% dan kesalahan dalam imbuhan akhiran yang paling banyak dilakukan murid ialah pemilihan unsur yang tidak tepat, iaitu sebanyak 69% kesalahan. Berdasarkan maklumat tersebut, dapat diketahui jenis kesalahan yang banyak dilakukan oleh murid dalam pengimbuhan untuk memudahkan penambahbaikan dibuat. Selain itu, faktor yang mempengaruhi penguasaan imbuhan murid SJKT yang telah ditemui dalam kajian ini ialah pengaruh bahasa ibunda guru, faktor sikap ibu bapa di sekolah, faktor persekitaran, faktor gaya pengajaran dari segi masa, faktor pengaruh bahasa ibunda murid, faktor sikap murid serta faktor sikap ibu bapa. Maka, Modul Celik Imbuhan didirikan untuk membantu guru dan murid memantapkan imbuhan mereka menggunakan Teknik Mnemonik, iaitu Teknik akrostik dan kata kunci bagi memudahkan murid untuk mengenal pasti huruf yang berkaitan dan huruf yang perlu digugurkan setelah berlaku pengimbuhan dengan mudah dan cepat. Modul ini didirikan melalui Pendekatan Penyelidikan Rekabentuk dan Pembangunan (DDR) iaitu satu konsep penyelidikan yang membangunkan sesuatu kajian dengan teratur dan sistematis.

Kata kunci: bahasa Melayu, Murid India;imbuhan awalan; imbuhan akhiran; Sekolah Jenis Kebangsaan Tamil



Abstract of thesis presented to the Senate of Universiti Putra Malaysia in fulfilment
of the requirement for the degree of Master of Arts

MASTERY OF PREFIXES AND SUFFIXES AMONG NON MALAY STUDENTS

By

AMIRRA SHAZREENA BINTI AMINUL RAZIN

January 2019

Chairman : Professor Vijayaletchumy Subramaniam, PhD
Faculty : Modern Languages and Communication

This study focuses on studying the mastery of prefixes and suffixes among non Malay students. The objectives of this study are to identify the types of prefix and suffix errors as described in the Theory of Error Analysis by Corder (1973), to discuss the factors of incompetencies among pupils of SJKT in learning prefixes and suffixes and to develop a module to assist them in learning prefixes and suffixes using the Remuneration Module. Design and Development Research (DDR) and Theory of Error Analysis by Corder (1973) are used as a platform for this study. The research involved methodologies based on observation, interviews and field study. The tools used for this study are remuneration assessment test and questionnaire. The researcher selected 15 prefixes and 15 suffixes in itemizing questions which were later used to test 50 year five students as respondents. The data were analyzed quantitatively and qualitatively. The outcome revealed the highest types of errors described in the Theory of Error Analysis by Corder (1973) in prefix, is addition of unnecessary elements with 60% mistakes and in suffix, is wrong selection of elements with 69% mistakes. Based on the information obtained, types of errors were identified so improvements can easily be made. Besides that, factors identified to be influencing pupils' incompetencies in mastering prefixes and suffixes include teachers' mother tongue, parents' behavior at school, environment, teaching skill in terms of time, pupils' attitude and parents' attitude. Therefore, Remuneration Module was built to help teachers and pupils in the mastery of remuneration by using mnemonic techniques which are acrostic techniques and keywords to ease the pupils in recognizing quickly the letters that are relevant or irrelevant in remuneration process. This module was built with Design and Development Research (DDR) as one of the research concepts that are systematic and organized.

Key words: Malay language, Indian pupils, prefix, suffix, National Type Tamil Primary School (SJKT)

PENGHARGAAN

Alhamdulillah, segala puji dan syukur saya panjatkan hanya kepada Allah S.W.T dan selawat serta salam kepada junjungan besar, Nabi Muhammad S.A.W bersyukurlah ke hadrat Allah S.W.T kerana dengan izin Nya memberikan kekuatan, kesabaran dan kesihatan yang baik dalam memnyempurnakan tesis ini bagi memenuhi keperluan untuk Ijazah Master Sastera.

Tesis ini tidak dapat dihasilkan dengan sempurna tanpa bantuan dan sokongan daripada pelbagai pihak. Dalam ruangan yang terbatas ini, saya ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih kepada penyelia tesis saya Prof. Madya Dr. Vijayaletchumy Subramaniam selaku ‘guru’ yang telah banyak memberikan bimbingan dan tunjuk ajar sehingga tesis ini dapat disempurnakan. Saya juga berterima kasih atas kesabaran dan kesungguhan beliau semasa membimbing saya dan rakan-rakan. Sesungguhnya dorongan dan panduan yang beliau berikan amatlah berguna dan berharga kepada saya. Ribuan terima kasih juga diucapkan kepada Universiti Putra Malaysia atas biasiswa *Graduate Research Fellowship* (GRF) yang diberikan kepada saya sepanjang menuntut ilmu di UPM.

Terima kasih juga kepada keluarga dan rakan-rakan seperjuangan yang sudi memberikan bantuan, pandangan dan dorongan. Akhir sekali, jutaan terima kasih kepada guru besar dan guru-guru SJKT FES Serdang kerana memberikan kerjasama yang amat baik sepanjang penyelidikan dijalankan. Semoga Allah memberikan rahmat dan membala budi baik kalian. Sesungguhnya yang baik itu datangnya daripada Allah S.W.T dan segala kekurangan datangnya daripada kelemahan diri saya sendiri.

Wassalam

Sekian, terima kasih.

Berilmu Berbakti

Tesis ini telah dikemukakan kepada Senat Universiti Putra Malaysia dan telah diterima sebagai memenuhi syarat keperluan untuk ijazah Master Sastera. Ahli-ahli Jawatankuasa Penyeliaan adalah seperti berikut:

Vijayalethumy A/P Subramaniam, PhD

Profesor

Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi

Universiti Putra Malaysia

(Pengerusi)

Sharil Nizam Sha'ri, PhD

Pensyarah kanan

Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi

Universiti Putra Malaysia

(Ahli)

ROBIAH BINTI YUNUS, PhD

Profesor dan Dekan

Sekolah Pengajian Ijazah

Universiti Putra Malaysia

Tarikh:

Perakuan pelajar siswazah

Dengan ini saya memperakui bahawa:

- tesis ini ialah hasil kerja saya yang asli;
- setiap petikan, kutipan dan ilustrasi telah dinyatakan sumbernya dengan jelas;
- tesis ini tidak pernah dimajukan sebelum ini, dan tidak dimajukan serentak dengan ini, untuk ijazah lain sama ada di Universiti Putra Malaysia atau di institusi lain;
- hak milik intelek dan hak cipta tesis ini ialah hak milik mutlak Universiti Putra Malaysia, mengikut Kaedah-Kaedah Universiti Putra Malaysia (Penyelidikan) 2012;
- kebenaran bertulis daripada penyelia dan Pejabat Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi) hendaklah diperoleh sebelum tesis ini diterbitkan (dalam bentuk bertulis, cetakan atau elektronik) termasuk buku, jurnal, modul, prosiding, tulisan popular, kertas seminar, manuskrip, poster, laporan, nota kuliah, modul pembelajaran atau material lain seperti yang dinyatakan dalam Kaedah-Kaedah Universiti Putra Malaysia (Penyelidikan) 2012;
- tiada plagiat atau pemalsuan/fabrikasi data dalam tesis ini, dan integriti ilmiah telah dipatuhi mengikut Kaedah-Kaedah Universiti Putra Malaysia (Pengajian Siswazah) 2003 (Semakan 2012-2013) dan Kaedah-Kaedah Universiti Putra Malaysia (Penyelidikan) 2012. Tesis telah diimbaskan dengan perisian pengesahan plagiat.

Tandatangan: _____ Tarikh: _____

Nama dan No. Matrik: Amirra Shazreena binti Aminul Razin (GS48561)

Perakuan Ahli Jawatankuasa Penyeliaan

Dengan ini, diperakukan bahawa:

- penyelidikan dan penulisan tesis ini adalah di bawah seliaan kami;
- tanggungjawab penyeliaan sebagaimana yang dinyatakan dalam Kaedah Kaedah Universiti Putra Malaysia (Pengajian Siswazah) 2003 (Semakan 2012-2013) telah dipatuhi.

Tandatangan : _____

Nama Pengerusi
Jawatankuasa
Penyeliaan

Profesor
Dr. Vijayalethchumy A/P Subramaniam

Tandatangan : _____

Nama Ahli
Jawatankuasa
Penyeliaan

Pensyarah kanan
Dr. Sharil Nizam bin Sha'ri

ISI KANDUNGAN

	Halaman
ABSTRAK	i
ABSTRACT	iii
PENGHARGAAN	iv
PENGESAHAN	v
PERAKUAN	vii
SENARAI JADUAL	xi
SENARAI RAJAH	xii
SENARAI CARTA	xiii
SENARAI SINGKATAN	xv
BAB	
1 PENDAHULUAN	1
Latar belakang kajian	1
Matlamat pengajaran bahasa Melayu di peringkat sekolah rendah	1
Kurikulum Standard Sekolah Rendah	1
Prinsip KSSR	2
Skop penguasaan imbuhan dalam Dokumen Standard Kurikulum Pentaksiran	3
Permasalahan kajian	3
Objektif kajian	4
Persoalan kajian	4
Batasan kajian	4
Kepentingan kajian	5
Definisi operasional	6
Penguasaan imbuhan	6
2 SOROTAN KAJIAN	8
Kajian tentang pembelajaran bahasa Melayu sebagai bahasa kedua	8
Kajian tentang pembelajaran bahasa Melayu	9
Kajian tentang tatabahasa	9
Kajian tentang imbuhan	10
Kajian tentang strategi pembelajaran bahasa Melayu	10
Kajian tentang sikap terhadap bahasa Melayu	11
Kajian tentang penggunaan modul	12
Kajian tentang tahap penguasaan bahasa Melayu	13
Perkaitan sorotan dengan kajian pengkaji	13
3 METODOLOGI KAJIAN	15
Reka bentuk kajian	15
Kerangka Teori Analisis Kesilapan Corder (1973)	15
Kerangka Konseptual berdasarkan Pendekatan DDR	16
Kerangka kajian	17
Kaedah kajian	18

Kaedah pemerhatian	18
Kaedah temu bual	18
Kaedah soal selidik	18
Lokasi kajian	19
Populasi dan persampelan kajian	19
Alat kajian	19
Ujian Penilaian Kemahiran Imbuhan	19
Barang Soal Selidik	19
Kesahan dan kebolehcayaan alat kajian	20
Tatacara kajian	20
Fasa 1: Kajian rintis	20
Fasa 2: Kajian sebenar	20
Penganalisisan data	21
Objektif I: Analisis kesilapan imbuhan yang dilakukan oleh murid SJK(T)	21
Objektif II: Menjelaskan faktor kesilapan imbuhan murid SJK(T)	21
Objektif III: Menghasilkan modul Celik Imbuhan	21
4 DAPATAN DAN PERBINCANGAN	22
Kesilapan imbuhan awalan dan akhiran murid SJK(T)	22
Faktor kesilapan imbuhan awalan dan akhiran murid SJK(T)	44
Penghasilan modul bagi memantapkan imbuhan awalan dan akhiran	74
Rasional teori dengan dapatan kajian	91
Implikasi dapatan kajian	92
5 RUMUSAN DAN CADANGAN	93
Rumusan	93
Cadangan	93
Cadangan penyelidikan selanjutnya	94
RUJUKAN	95
LAMPIRAN	99
BIODATA PELAJAR	107
SENARAI PENERBITAN	108

SENARAI JADUAL

Jadual		Halaman
1	Faktor pengaruh bahasa ibunda guru soalan 1	45
2	Faktor pengaruh bahasa ibunda guru soalan 2	45
3	Faktor pengaruh bahasa ibunda guru soalan 3	46
4	Faktor sikap murid di sekolah soalan 1	47
5	Faktor sikap murid di sekolah Soalan 2	48
6	Faktor sikap murid di sekolah Soalan 3	49
7	Faktor sikap ibu bapa di sekolah Soalan 1	50
8	Faktor sikap ibu bapa di sekolah Soalan 2	51
9	Faktor sikap ibu bapa di sekolah Soalan 3	52
10	Faktor persekitaran Soalan 1	53
11	Faktor persekitaran Soalan 2	54
12	Faktor persekitaran Soalan 3	55
13	Faktor gaya pengajaran (masa) Soalan 1	56
14	Faktor gaya pengajaran (masa) Soalan 2	57
15	Faktor gaya pengajaran (masa) Soalan 3	58
16	Faktor pengaruh bahasa ibunda murid Soalan 1	59
17	Faktor pengaruh bahasa ibunda murid Soalan 2	60
18	Faktor pengaruh bahasa ibunda murid Soalan 3	61
19	Faktor sikap murid Soalan 1	62
20	Faktor sikap murid Soalan 2	63
21	Faktor sikap murid Soalan 3	64
22	Faktor sikap ibu bapa Soalan 1	65
23	Faktor sikap ibu bapa Soalan 2	66
24	Faktor sikap ibu bapa Soalan 3	67
25	Faktor persekitaran murid Soalan 1	68
26	Faktor persekitaran murid Soalan 2	69
27	Faktor persekitaran murid Soalan 3	70
28	Faktor gaya pembelajaran Soalan 1	71
29	Faktor gaya pembelajaran Soalan 2	72
30	Faktor gaya pembelajaran Soalan 3	73
31	Persepsi guru terhadap Modul Celik Imbuhan	89
32	Persepsi murid terhadap Modul Celik Imbuhan	90

SENARAI RAJAH

Rajah		Halaman
1	Kerangka Teori analisis kesilapan Corder (1973)	15
2	Pendekatan Penyelidikan Rekabentuk dan Pembangunan (DDR) Richey & Klien (2007)	16
3	Kerangka konsepsi kajian	17
4	Fasa pembentukan modul melalui Pendekatan (DDR)	75
5	Mnemonik imbuhan awalan me-	76
6	Mnemonik imbuhan awalan mem-	77
7	Mnemonik imbuhan awalan men-	77
8	Mnemonik imbuhan awalan meng-	78
9	Mnemonik imbuhan awalan menge-	79
10	Mnemonik imbuhan awalan meny-	79
11	Teknik fungsi imbuhan akhiran -an	80
12	Teknik fungsi imbuhan akhiran -kan	80
13	Teknik fungsi imbuhan akhiran-kan	81
14	Latihan pemulihan	81
15	Contoh latihan pemulihan isi tempat kosong	82
16	Contoh latihan pemulihan isi tempat kosong	82
17	Contoh latihan pemulihan teka silang kata	83
18	Contoh latihan pemulihan teka silang kata	83
19	Contoh jawapan latihan pemulihan teka silang kata	83
20	Contoh latihan pemulihan warnakan	84
21	Contoh latihan pemulihan warnakan	84
22	Latihan pengukuhan	85
23	Contoh latihan pengukuhan pilihan jawapan	85
24	Contoh latihan pengukuhan pilihan jawapan	86
25	Contoh latihan pengukuhan padankan	86
26	Contoh latihan pengukuhan padankan	87
27	Latihan pengayaan	87
28	Contoh latihan pengayaan bina ayat	88
29	Contoh latihan pengayaan bina ayat	88

SENARAI CARTA

Carta		Halaman
1	Imbuhan awalan meN- Soalan 1	22
2	Imbuhan awalan meN- Soalan 2	23
3	Imbuhan awalan meN- Soalan 3	24
4	Imbuhan awalan meN- Soalan 4	24
5	Imbuhan awalan meN- Soalan 5	25
6	Imbuhan awalan meN- Soalan 6	26
7	Imbuhan awalan meN- Soalan 7	26
8	Imbuhan awalan meN- Soalan 8	27
9	Imbuhan awalan meN- Soalan 9	28
10	Imbuhan awalan meN- Soalan 10	28
11	Imbuhan awalan meN- Soalan 11	29
12	Imbuhan awalan meN- Soalan 12	30
13	Imbuhan awalan meN- Soalan 13	30
14	Imbuhan awalan meN- Soalan 14	31
15	Imbuhan awalan meN- Soalan 15	32
16	Imbuhan ahiran -an dan -kan Soalan 1	32
17	Imbuhan ahiran -an dan -kan Soalan 2	33
18	Imbuhan ahiran -an dan -kan Soalan 3	34
19	Imbuhan ahiran -an dan -kan Soalan 4	34
20	Imbuhan ahiran -an dan -kan Soalan 5	35
21	Imbuhan ahiran -an dan -kan Soalan 6	35
22	Imbuhan ahiran -an dan -kan Soalan 7	36
23	Imbuhan ahiran -an dan -kan Soalan 8	37
24	Imbuhan ahiran -an dan -kan Soalan 9	37
25	Imbuhan ahiran -an dan -kan Soalan 10	38
26	Imbuhan ahiran -an dan -kan Soalan 11	39
27	Imbuhan ahiran -an dan -kan Soalan 12	39
28	Imbuhan ahiran -an dan -kan Soalan 13	40
29	Imbuhan ahiran -an dan -kan Soalan 14	41
30	Imbuhan ahiran -an dan -kan Soalan 15	41
31	Analisis Kesilapan imbuhan awalan murid berdasarkan Teori Analisis Kesilapan Corder (1973).	42
32	Analisis Kesilapan imbuhan akhiran murid berdasarkan Teori Analisis Kesilapan Corder (1973).	43
33	Faktor pengaruh bahasa ibunda guru soalan 1	44
34	Faktor pengaruh bahasa ibunda guru soalan 2	45
35	Faktor pengaruh bahasa ibunda guru soalan 3	46
36	Faktor sikap murid di sekolah soalan 1	47

37	Faktor sikap murid di sekolah soalan 2	48
38	Faktor sikap murid di sekolah soalan 3	49
39	Faktor sikap ibu bapa di sekolah soalan 1	50
40	Faktor sikap ibu bapa di sekolah soalan 2	51
41	Faktor sikap ibu bapa di sekolah soalan 3	52
42	Faktor persekitaran soalan 1	53
43	Faktor persekitaran soalan 2	54
44	Faktor persekitaran soalan 3	55
45	Faktor gaya pengajaran segi masa soalan 1	56
46	Faktor gaya pengajaran segi masa soalan 2	57
47	Faktor gaya pengajaran segi masa soalan 3	58
48	Faktor pengaruh bahasa ibunda murid soalan 1	59
49	Faktor pengaruh bahasa ibunda murid soalan 2	60
50	Faktor pengaruh bahasa ibunda murid soalan 3	61
51	Faktor sikap murid soalan 1	62
52	Faktor sikap murid soalan 2	63
53	Faktor sikap murid soalan 3	64
54	Faktor sikap ibu bapa soalan 1	65
55	Faktor sikap ibu bapa soalan 2	66
56	Faktor sikap ibu bapa soalan 3	67
57	Faktor persekitaran soalan 1	68
58	Faktor persekitaran soalan 2	69
59	Faktor persekitaran soalan 3	70
60	Faktor gaya pembelajaran soalan 1	71
61	Faktor gaya pembelajaran soalan 2	72
62	Faktor gaya pembelajaran soalan 3	73

SENARAI SINGKATAN

BM	Bahasa Melayu
B2	Bahasa Kedua
SJK	Sekolah Jenis Kebangsaan
SJKT	Sekolah Jenis Kebangsaan Tamil
SK	Sekolah kebangsaan
KPM	Kementerian Pendidikan Malaysia
PPD	Pejabat Pendidikan Daerah
BPK	Bahagian Perkembangan Kurikulum
DSKP	Dokumen Standard Kurikulum Pentaksiran
KSSR	Kurikulum Standard Sekolah Rendah
PdPc	Pengajaran dan Pemudahcara
DDR	Pendekatan Penyelidikan Reka bentuk dan Pembangunan

BAB 1

PENDAHULUAN

Latar belakang kajian

Bahasa Melayu menjadi bahasa pengantar ilmu dalam bidang pendidikan negara, dalam perlembagaan Persekutuan Tanah Melayu juga menyatakan bahawa bahasa Melayu menjadi bahasa yang berdaulat seterusnya menjadi bahasa rasmi negara dan bahasa pengantar di sekolah dan institusi pengajian tinggi yang telah termaktub dalam Perlembagaan Persekutuan Tanah Melayu pada 1992 dalam perkara 152 yang menyatakan bahawa bahasa kebangsaan merupakan bahasa Melayu dan apa-apa penulisan hendaklah ditulis dalam bahasa Melayu dengan apa-apa jenis tulisan seperti yang diperintahkan dalam undang-undang parliment.

Menurut Awang Sariyan (2004), pada 1957, iaitu sejak merdeka lagi bahasa Melayu telah diumumkan sebagai bahasa rasmi, bahasa kebangsaan negara dan bahasa pengantar ilmu dalam negara. Pewartaan bahasa Melayu sebagai bahasa kebangsaan dan bahasa rasmi terdapat dalam Perlembagaan Persekutuan, pewartaan bahasa Melayu sebagai bahasa pengantar ilmu telah tertulis dalam akta pendidikan pada 1996 dan dalam akta bahasa kebangsaan pada 1967 telah menjadikan bahasa Melayu sebagai bahasa rasmi negara. Sesuai dengan kedudukannya dan mempunyai nilai yang tinggi dalam negara, mata pelajaran Bahasa Melayu telah diwajibkan untuk lulus bagi kelayakan mendapat sijil khususnya dalam peperiksaan Sijil Persekolahan Malaysia (SPM) agar dapat meneruskan pengajian ke peringkat yang lebih tinggi atau menceburi bidang pekerjaan yang baik.

Matlamat Pengajaran bahasa Melayu di sekolah rendah

Bahasa Melayu merupakan alat perpaduan dan perhubungan antara kaum di negara ini (Abd.Aziz Abd.Talib, 2000) Bahasa Melayu juga diberikan status dan peranan yang penting menjadikan matlamat pengajaran bahasa Melayu berhubung kait. Secara umumnya, matlamat pengajaran bahasa Melayu di sekolah rendah bermatlamat jangka pendek yang perlu dilanjutkan ke peringkat sekolah menengah. Antara matlamat utama pengajaran bahasa Melayu sekolah rendah ialah memberikan asas yang kukuh dalam kemahiran mata pelajaran bahasa Melayu seperti membaca, menulis, bertutur dan mendengar. Dalam pada itu, matlamat pengajaran bahasa Melayu sekolah rendah juga memberikan asas yang kukuh dalam pelbagai aspek bahasa Melayu seperti tatabahasa, kosa kata, sistem ejaan dan pelbagai lagi.

Kurikulum Standard Sekolah Rendah

Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (PPPM) 2013 hingga 2025 memberikan saranan agar KSSR pada 2011 yang telah dilaksanakan supaya disemak semula dengan

menambahkan penekanan dalam penguasaan kemahiran abad ke-21, iaitu pemikiran kritis, kreatif dan inovatif serta penyelesaian masalah dan dari segi aspek kepemimpinan untuk membolehkan murid bersaing pada peringkat antarabangsa. Dalam pada itu, Kurikulum Standard Sekolah Rendah (KSSR) dalam semakan 2017 merupakan Kurikulum Kebangsaan yang digunakan oleh semua sekolah rendah di Malaysia dalam Sistem Pendidikan Kebangsaan dan perlaksaan KSSR ini berpandukan DSKP, iaitu Dokumen Standard Kurikulum.

Prinsip KSSR

Kurikulum Standard Sekolah Rendah berpegang kepada prinsip berikut:

Pendekatan Bersepadu

Tumpuan utama diberikan kepada pendekatan bersepadu. Unsur pengetahuan, kemahiran dan nilai digabungkan supaya wujud kesepadan dari segi intelek, rohani, emosi, jasmani dan sosial.

Perkembangan Individu Secara Menyeluruh

KSSR digubal untuk memastikan bahawa semua mata pelajaran berperanan untuk memenuhi keperluan intelek, rohani, emosi, jasmani dan sosial. Setiap potensi murid dikembangkan secara bersepadu.

Pendidikan Saksama untuk Semua Murid

KSSR memberikan peluang yang luas dan saksama kepada semua murid untuk mendapatkan ilmu pengetahuan dan kemahiran yang menyeluruh dan seimbang.

Pendidikan Seumur Hidup

KSSR menyediakan pengetahuan dan kemahiran yang diperlukan oleh semua murid sebagai asas untuk menghadapi cabaran kehidupan seharian dan pendidikan sepanjang hayat.

Mata pelajaran Bahasa Melayu dan peruntukan masa minimum jam setahun KSSR

Mata pelajaran Bahasa Melayu tahap satu di SJK(T) diperuntukkan minimum 160 jam setahun berbanding dengan SK 192 jam setahun. Manakala tahap dua mata pelajaran Bahasa Melayu ialah sebanyak 128 jam setahun di SJK(T) dan 160 jam di SK.

Skop penguasaan imbuhan dalam Dokumen Standard Kurikulum Pentaksiran

Selain itu, dalam standard kajian bahasa Melayu 2017 dari aspek tatabahasa menyatakan bahawa murid tahun 1 SJK perlu memahami, mengenal pasti dan menggunakan kata terbitan mengikut konteks dan menguasai kata berimbuhan awalan. Tahun 2 pula memahami dan menggunakan kata mengikut konteks juga kata berimbuhan awalan. Tahun 3 perlu memahami dan menggunakan kata mengikut konteks seperti kata berimbuhan awal dan kata berimbuhan akhiran. Tahun 4 pula memahami dan menggunakan kata berimbuhan mengikut konteks seperti kata terbitan imbuhan awalan, imbuhan apitan imbuhan akhiran dan sisipan. Tahun 5 pula memahami dan menggunakan kata berimbuhan mengikut konteks seperti kata terbitan imbuhan awalan, imbuhan akhiran, imbuhan apitan dan imbuhan pinjaman serta yang terakhir sekali tahun 6 murid perlu memahami dan menguasai semua kata berimbuhan seperti imbuhan awalan, imbuhan akhiran, imbuhan apitan imbuhan sisipan dan imbuhan pinjaman. Kajian ini akan mengukur penguasaan murid mengikut standard yang telah ditetapkan dalam Dokumen Standard Kurikulum dan Pentaksiran (DSKP), terutamanya murid tahun 5 yang menjadi responden dalam kajian ini. Berdasarkan Dokumen Standard Kurikulum Pentaksiran yang telah ditetapkan oleh KPM menunjukkan bahawa murid pada tahun 1 dan tahun 2 seharusnya memahami imbuhan awalan, murid tahun 3 memahami imbuhan awalan dan akhiran, pada tahun 4 dan 5 perlu memahami imbuhan awalan, imbuhan apitan imbuhan akhiran dan sisipan serta murid tahun 6 perlu menguasai semua jenis imbuhan iaitu imbuhan awalan, imbuhan akhiran, imbuhan apitan, imbuhan sisipan dan imbuhan pinjaman.

Permasalahan kajian

Berdasarkan Gred Purata Mata Pelajaran (GPMP) yang telah dikeluarkan oleh Kementerian Pendidikan Malaysia pada tahun 2016, jurang prestasi keputusan UPSR SJK dalam kertas penulisan bahasa Melayu berbanding dengan SK yang telah dicatatkan dalam peperiksaan UPSR 2016 menunjukkan keputusan Bahasa Melayu di SK dalam GPMP sebanyak 2.55 berbanding dengan Bahasa Melayu Penulisan SJK sebanyak 2.99. Dalam pada itu, peratusan murid gagal dalam Bahasa Melayu di SJK juga lebih ramai iaitu 18.2% berbanding dengan SK hanya seramai 6.1% murid yang gagal. Analisis ini jelas menunjukkan bahawa peratusan kegagalan dan jurang peratusan Bahasa Melayu antara SK dengan SJK hampir tiga kali ganda, terutamanya dalam peratusan kegagalan murid dalam kertas Bahasa Melayu penulisan. Menurut Teo Kok Seong, Murid SJKT dan SJKC gagal bertutur dan menguasai bahasa Melayu disebabkan sistem pembelajaran bahasa Melayu di sekolah tidak berjaya. (Berita Harian, 2014). Di samping itu, melalui kajian penskoran UPSR yang telah dijalankan, ramai murid membuat kesalahan dalam tanda baca dan ejaan. Menurut Noor Zila (2015), kesalahan ejaan yang banyak dilakukan oleh murid ialah pengimbuhan. Hal ini menunjukkan bahawa penguasaan imbuhan perlu ditangani dengan segera kerana topik imbuhan merupakan tunjang tatabahasa bagi murid terutamanya dalam bidang pengimbuhan kata kerja dan kata nama yang mempengaruhi murid dalam menjawab peperiksaan. Permasalahan ini juga dapat dibuktikan melalui kajian rintis yang telah dijalankan di SJKT (FES) Serdang melibatkan 44 orang murid cemerlang tahun 5 yang bakal menduduki peperiksaan UPSR. Kajian rintis mendapati bahawa hanya seorang murid mendapat markah penuh, iaitu betul 10 dalam imbuhan awalan dan imbuhan akhiran hanya seorang murid yang mendapat markah 9 dari 10 markah dan jumlah keseluruhan 78% murid tidak menguasai imbuhan awalan dan 80% murid tidak

menguasai imbuhan akhiran. Kajian rintis ini menyimpulkan bahawa penguasaan murid terhadap imbuhan adalah sangat lemah dan sangat membimbangkan.

Dalam pada itu, faktor buku teks yang tidak memfokuskan cara pengimbuhan dengan betul menyebabkan kesukaran murid untuk memahami topik imbuhan. Menurut Mohd Nazri *et al.* (2014) buku teks tidak diuji kesahan dan kebolehpercayaannya mengikut setiap elemen yang telah ditetapkan dalam transformasi bentuk pentaksiran dan penilaian dalam buku teks. Selain itu juga, kajian mata pelajaran Bahasa Melayu yang memfokuskan permasalahan imbuhan juga kurang dijalankan, seperti kajian yang dijalankan oleh Wong Shia Ho (2015) tentang tatabahasa dan ejaan dalam buku teks Geografi tingkatan satu yang mendapat bahawa terdapat kesalahan morfologi, sintaksis dan ejaan dalam buku teks. Dalam pada itu juga, kajian tentang mata pelajaran Bahasa Melayu dalam kalangan murid India kurang dijalankan dan kebanyakan kajian hanya memfokuskan murid Cina dan penutur lain sahaja seperti kajian yang dijalankan oleh Zamri Mahamod *et.al* (2017) tentang sikap dan pandangan murid Cina terhadap bahasa Melayu serta Dayang Sufilkawany Ujai dan Wan Muna Ruzanna Wan Muhammad (2017) yang mengkaji faktor pembelajaran bahasa Melayu sebagai bahasa kedua murid Iban dan yang terakhir Chee Hwa Ooi dan Vijayaletchumi Subramaniam (2016) dalam kajianya tentang tahap motivasi murid Cina SJKC dalam mempelajari bahasa Melayu. Lompang ini telah menyebabkan kajian tentang penguasaan imbuhan murid SJK(T) dijalankan.

Objektif kajian

Objektif kajian ini adalah seperti yang berikut:

1. Mengenal pasti kesilapan imbuhan awalan dan akhiran yang dilakukan dalam kalangan murid SJK(T).
2. Menjelaskan faktor masalah penguasaan imbuhan dalam kalangan murid SJK(T).
3. Menghasilkan modul untuk memantapkan penguasaan imbuhan dalam kalangan murid SJK(T) menggunakan pendekatan DDR.

Persoalan kajian

1. Apakah kesilapan imbuhan awalan dan akhiran yang dilakukan oleh murid-murid SJK(T)?
2. Apakah faktor masalah penguasaan imbuhan kalangan murid SJK(T) berlaku?
3. Apakah jenis modul yang boleh dibangunkan untuk memantapkan penguasaan imbuhan dalam kalangan murid SJK(T) dengan menggunakan pendekatan DDR?

Batasan kajian

Sampel kajian dibataskan kepada murid bukan penutur jati bahasa Melayu, iaitu lima puluh orang murid India yang sedang berada pada tahun lima Sekolah Jenis

Kebangsaan Tamil FES Serdang, Selangor. Murid India tersebut menggunakan dan mempelajari bahasa Melayu sebagai bahasa kedua dalam kehidupan sehari-hari mereka. Murid bumiputera dan murid Melayu tidak melibatkan diri dalam kajian ini. Di samping itu, ibu bapa murid India yang berkahwin campur tidak terlibat dalam kajian ini. Ujian penilaian khas bahasa Melayu digunakan dalam menganalisis penguasaan murid terhadap imbuhan awalan dan akhiran. Ujian ini menguji 69 orang murid India yang menggunakan bahasa Melayu sebagai bahasa kedua di SJK(T) FES Serdang.

Antara batasan kajian yang telah ditetapkan oleh pengkaji dalam objektif satu ialah kesilapan imbuhan murid SJK(T) akan dianalisis menggunakan Teori Analisis Kesilapan Corder (1973) yang terdiri daripada empat kesilapan bahasa yang dilakukan iaitu pengguguran unsur yang perlu, penambahan unsur yang tidak perlu, pemilihan unsur yang tidak tepat dan penyusunan unsur yang salah. Selain itu, imbuhan yang telibat ialah imbuhan awalan kata kerja meN- dan imbuhan akhiran kata nama -an dan imbuhan akhiran kata kerja -kan.

Objektif dua pula telah dibataskan mengikut beberapa faktor yang telah ditetapkan dalam borang soal selidik guru dan borang soal selidik murid. Faktor yang ditetapkan ini telah diambil daripada Model Psikologi Sosial Gardner (1985) yang terdiri daripada elemen kecenderungan etnosentrik, sikap komuniti lain, orientasi pembelajaran dan motivasi. Soal selidik ini telah diagihkan kepada 10 orang guru bahasa Melayu dan 69 orang murid India SJK(T) FES Serdang. Faktor yang mempengaruhi kesilapan imbuhan dalam soal selidik murid telah dibahagikan dan diuraikan kepada lima bahagian berdasarkan Model Psikologi Sosial Gardner (1985), iaitu faktor pengaruh bahasa ibunda murid, faktor sikap murid, faktor sikap ibu bapa di rumah, faktor persekitaran murid dan faktor gaya pembelajaran murid. Selain itu, soal selidik guru pula telah dibahagikan kepada faktor pengaruh bahasa ibunda guru, faktor sikap murid di sekolah, faktor sikap ibu bapa di sekolah, faktor persekitaran di sekolah dan faktor gaya pengajaran daripada segi masa.

Objektif tiga pula pengkaji telah membataskan dalam menghasilkan modul melalui Pendekatan Penyelidikan Reka bentuk dan Pembangunan (DDR). Pendekatan Penyelidikan Reka bentuk dan Pembangunan (DDR) merupakan satu konsep penyelidikan yang membangunkan sesuatu kajian dengan teratur dan sistematis. Pendekatan Penyelidikan Reka bentuk dan Pembangunan (DDR) ini meliputi empat fasa, iaitu bagi fasa pertama merupakan fasa analisis keperluan, fasa kedua merupakan fasa reka bentuk, fasa ketiga sebagai fasa pembangunan dan fasa yang terakhir, iaitu fasa keempat sebagai fasa penilaian, iaitu pengujian kebolehgunaan.

Kepentingan kajian

Antara kepentingan kajian ini ialah bahasa Melayu dapat disebar luaskan dalam sekolah kebangsaan atau sekolah jenis kebangsaan. Hal ini adalah kerana kajian mengenai imbuhan yang dijalankan pengkaji dapat membantu penguasaan bahasa Melayu SK dan SJK serta dijadikan sumber rujukan oleh tenaga pengajar dan masyarakat dalam mendalami kesilapan bahasa yang dilakukan terutamanya dalam kesilapan pengimbuhan. Selain itu, melalui kajian imbuhan dan awalan ini,

pendokumentasian tentang kajian imbuhan awalan dan akhiran dapat dijadikan sebagai panduan pengajaran dan pembelajaran.

Guru-guru Bahasa Melayu

Melalui dapatan kajian ini, ilmu bahasa Melayu terutamanya dalam bidang linguistik dapat dikongsi dan diperluas terutamanya dalam kalangan guru SJK(T). Hal ini adalah kerana bahasa Melayu merupakan bahasa ilmu serta bahasa perpaduan yang perlu dipertahankan serta dikuasai oleh setiap lapisan masyarakat. Selain itu, guru-guru juga merupakan medium penting dalam penyampaian ilmu dan mata pelajaran bahasa Melayu kerana murid-murid yang menjadikan bahasa Melayu sebagai bahasa kedua hanya mengharapkan dan bergantung kepada guru-guru di sekolah semata-mata.

Ibu bapa dan masyarakat

Kepentingan kajian ini juga ialah untuk memberikan kesedaran kepada ibu bapa dan masyarakat. Hal ini adalah kerana penguasaan bahasa murid-murid juga adalah bermula dari rumah seterusnya tanggungjawab bersama untuk memastikan bahawa murid-murid menguasai bahasa Melayu seterusnya penguasaan imbuhan. Penguasaan imbuhan juga amat penting untuk memastikan bahawa kejayaan murid dalam UPSR cemerlang kerana imbuhan merupakan tunjang untuk membina sebuah ayat dalam karangan mereka, iaitu dalam kertas dua bahasa Melayu UPSR.

Murid-murid

Melalui kajian ini, murid-murid dapat membuat refleksi dalam penguasaan imbuhan mereka terhadap kajian yang telah dijalankan. Dalam pada itu, mereka akan meningkatkan lagi usaha dan meningkatkan penguasaan imbuhan kata nama dan kata kerja mereka. Di samping itu, dapatan kajian juga akan memberikan kesedaran kepada mereka tentang pentingnya penguasaan imbuhan dalam bahasa Melayu. Hal ini akan membantu murid mengesan kekurangan jenis imbuhan mereka seterusnya meningkatkan prestasi tahap imbuhan masing-masing. Penguasaan imbuhan mereka juga akan dipertingkatkan untuk memberikan persediaan kepada murid-murid untuk menjawab peperiksaan UPSR.

Definisi operasional

Penguasaan imbuhan

Kajian ini akan menekankan penguasaan imbuhan awalan kata kerja dan akhiran kata nama murid SJK(T) yang menjadikan bahasa Melayu sebagai bahasa kedua. Menurut Krashen (1981), dua cara untuk memupuk penguasaan bahasa Melayu sebagai bahasa kedua ialah pemerolehan dan pembelajaran bahasa. Dalam pada itu, menurut Chomsky (1980), penguasaan bermaksud kemahiran seseorang dalam menggunakan bahasa dan tidak diukur dalam kecekapan tatabahasa sahaja.

Seterusnya, kajian ini akan meliputi imbuhan awalan meN- serta imbuhan akhiran -an dan -kan. Imbuhan merupakan sesuatu unit bahasa yang tertentu dan ditambahkan pada bentuk lain dan berlaku perubahan makna sesuatu nahu (Nik Safiah Karim et.al, 2015). Imbuhan awalan meN- pula merupakan imbuhan awalan yang membentuk kata kerja aktif iaitu transitif atau tidak transitif. Selain itu, Imbuhan awalan meN- menurut Nik Safiah Karim et.al (2015), terdiri daripada empat varian iaitu imbuhan awalan me-, mem-, men- dan juga meng-. Namun, menurut Asmah Haji Omar (2009) terdapat enam varian imbuhan awalan meN- iaitu me-, mem-, men-, meng-, meny- dan menge-.

Dalam pada itu juga, imbuhan akhiran -kan ialah imbuhan yang membentuk kata kerja transitif. Imbuhan akhiran juga mempunyai beberapa fungsi iaitu sebagai kata ganti nama orang pertama dan orang kedua, membuat sesuatu untuk orang lain atau sebagai ayat suruhan. Jenis golongan kata yang boleh bergabung dengan imbuhan akhiran -kan ialah kata kerja, kata nama, kata adjektif dan beberapa kata tugas boleh bergabung dengan imbuhan akhiran -kan bagi membentuk satu kata kerja.

Akhir sekali, imbuhan akhiran -an ialah satu pembentukan kata nama yang terdiri daripada kata kerja, kata nama dan kata adjektif. Selain itu, imbuhan akhiran -an mempunyai banyak fungsi seperti pekerjaan atau hasil daripada sesuatu pekerjaan, kawasan atau bidang yang luas, orang atau haiwan yang menjadi penderita sesuatu kerja, membawa makna sesuatu yang banyak, perkara atau benda yang menjadi sesuatu penderita pekerja, sesuatu yang menerangkan sesuatu yang terkandung dalam kata dasar dan sebagai satu ukuran atau kiraan. Melalui kajian ini, pengkaji hanya memfokuskan imbuhan akhiran -an yang bergabung dengan kata dasar daripada kata kerja seterusnya bertukar menjadi kata nama.

RUJUKAN

- Abdul Aziz Abdul Talib. (2000). *Pedagogi Bahasa Melayu, prinsip, kaedah dan teknik*. Kuala Lumpur: Utusan Publications Sdn. Bhd.
- Abdul Rasid Jamian & Zulkafli Abu Zarin. (2008). *Keupayaan kemahiran membaca dan menulis Bahasa Melayu murid sekolah rendah kebangsaan luar bandar*. Kertas kerja di Konvensyen Pendidikan Nasional 2008. Universiti Pendidikan Sultan Idris. 2 – 4 Jun 2008.
- Asmah Haji Omar (2009). *Nahu Melayu Mutakhir*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka
- Awang Sariyan. (2004). *Teras pendidikan bahasa Melayu asas pegangan guru*. Bentong: PTS Publications & Distributors Sdn. Bhd.
- Awalludin Abdul Jabbar dan Ghazali Md Ibrahim. (2017). Penggunaan Teknik Pembayangan dalam Pembelajaran Imbuhan Awalan. Seminar Bahasa Melayu, 522-534 tarikh diakses 17 November 2017 di <http://malaylanguagecentre.moe.edu.sg/qql/slot/u181/Khazanah%20Ilmu/Seminar%20Baha%20Melayu/Seminar%20Bahasa%20Melayu%202017/ML%20Seminar%202017%20-%20Paper%20-%2044.pdf>
- Babbie, E.R. (1973). *Survey Research Method*. Belmont, Calif : Wadsworth Publishing.
- Bloom, B. S. (1971). Mastery learning (In J. H. Block (Ed.). *Mastery learning: Theory and practice*. (pp. 47–63). New York: Holt, Rinehart & Winston
- Campbell, E. & Storch, N. (2011). The Changing Face Of Motivation: A Study Of Second Language Learners' Motivation Over Time. *Australian Review of Applied Linguistics*, 34(2), 166-192.
- Caroll, J. B. (1963). *A model of school learning*. Teacher College Record, 64(8) 723-733
- Chee Hwa Ooi dan Vijaya Ietchumi Subramaniam (Disember 2016). Tahap Motivasi Murid dalam Pembelajaran Bahasa Melayu Sebagai Bahasa Kedua. *Ulum Islamiyah Journal* Vol.18 pp 115-130
- Cheun, H. H., Ho, W. C. & Hoe, F. T. (2009). A study of Mandarin sentence grammar mistake made by non-native speaker. *Proceeding Language and Culture: Creating and Fostering Global Communities*.
- Chew Fong Peng (November 2016). Masalah Pembelajaran Bahasa Melayu dalam kalangan Murid Cina Sekolah Rendah. *Jurnal Pendidikan bahasa Melayu*, Vol. 6, Bil.2: 10-22
- Chomsky, Noam, (1980). *Rules and Representations*. Oxford: Blackwell.
- Chua Yan Piaw, (2014). Kaeadaah Penyelidikan (3rd ed.). Shah Alam: Mc Graw Hill Education (Malaysia) Sdn.Bhd. hlm.,139 -140.
- Corder S.P. (1967). *The Significance of Learner's Error*. *IRAL*, 5(4), 161-170.
- Corder S.P. (1973). *Introducing Applied Linguistics*. Lincoln: Peguin Books Ltd.
- Corder S.P. (1981). *Error Analysis and Interlanguage*. Oxford: Oxford University Press.
- Dayang Sufilkawany Ujai dan Wan Muna Ruzanna Wan Muhammad (Mei 2017). Pengaruh Faktor Sosial Dalam Pembelajaran Bahasa Melayu Dalam Kalangan Murid Iban. *Jurnal Pendidikan bahasa Melayu*, Vol. 7, Bil. , 78-84
- Dokumen Standard Kurikulum dan Pentaksiran BM SJK Tahun 5. (2016). KPM: Bahagian Pembangunan Kurikulum.

- Dokumen Standard Kurikulum dan Pentaksiran BM SJK Tahun 6.* (2013). KPM: Bahagian Pembangunan Kurikulum.
- Exzayrani Awang Sulaiman. (2015). *Sikap Bahasa Generasi Muda Terhadap Bm: Kajian Kes Sekolah Menengah Chung Hwa. E-Proceeding of the International Conference on Social Science Research, Universiti Brunei*, 8-9 Jun, 925-938
- Fariza Md Shan, Rohana Tan, Mohd Najib Adun, Azmah Ishak, Hamidah Erman, Rohazaini Hasan, Siti Noraida Sood, Harun Bintang. (2018). Penggunaan Bahasa Melayu dalam Pengurusan dan Pentadbiran di Universiti Kebangsaan Malaysia. *GEMA Online® Journal of Language Studies*, Volume 18(1), February 2018
- Gardner, R.C. (1985). *Social Psychology in Second Language Learning*. Edward Arnold Ltd, London, Great Britain.
- Hassan Omar (2014, November 12). SJK perlu pertingkat Program pembelajaran bahasa Melayu, *Berita Harian*, 18.
- Imran Ho Abdullah dan Azimah Yusof (2015). Produktiviti imbuhan mem-, memper- dan memper-kan: pendekatan Linguistik Korpus. *Jurnal Bahasa*, Jilid 15, Bil. 1, 41-62
- Indhumathy Munusamy. (2013). *Penguasaan Bahasa Melayu dalam kalangan pelajar peralihan di tiga buah sekolah di daerah Skudai*. Ijazah Master. Universiti Teknologi Malaysia.
- Jumiya Ahmad. (2014). *Masalah pembelajaran dan penguasaan bahasa Melayu sebagai bahasa kedua dalam kalangan murid-murid kensiu: satu kajian kes. Ph.D. Universiti Utara Malaysia*.
- Kerlinger,K.N.(1973). *Foundation of Behavioral Research* (3rd Edition). New York : Holt-Rhinehart.
- Krashen (1981). *Second Language Acquisition and Second Languange Learning*. United Kingdom: Oxford University:Pergamon Press
- Maizan Mat (Ogos 2017). *Teknik mnemonik sebagai strategi kognitif dalam meningkatkan keupayaan ingatan pelajar peringkat pengajian Pra-U: Sorotan kajian lepas*. National Pre University Seminar 2017, RHR Hotel, 23 Ogos 2017, 309-317
- Malaysia. (2015). *Kurikulum Standard Sekolah Rendah*. Putrajaya: Bahagian Pembangunan Kurikulum.
- Masyuniza Yunos (November 2015). Hubungan sikap dan persepsi murid terhadap pembelajaran bahasa Melayu dengan kemahiran abad ke-21. *Jurnal Pendidikan Bahasa Melayu*, Vol. 5, Bil. 2, 22-30
- Mazlina Baharudin (2014). Pemerolehan dan Penguasaan kecekapan berbahasa Melayu dalam kalangan pelajar asing di Universiti Sains Malaysia. *Procedia - Social and Behavioral Sciences* 134:270-275
- Meor Rahman (2003). Gaya pembelajaran dan hubungannya dengan pencapaian pelajar. *Seminar memperkasakan system Pendidikan, UKM*.
- Milano, M. & Ullius, D. (1998). *Designing powerful training, The Sequential_iterative Model*. Jossey-Bass/Pfeiffer. A wiley Company, San Franscisco.
- Mohd Nazri Abdul Rahman, Rosman bin Ishak, Juhara Ayob, Saedah Siraj, Norlidah Alias, Rohani Abdul Aziz dan Ruslina Ibrahim (2014). Transformasi Bentuk Pentaksiran Dan Penilaian Dalam Buku Teks: Aplikasi *Interprative Structural Modelling* (Ism). *Jurnal Kurikulum & Pengajaran Asia Pasifik*, Bil 2 (2) (16-22)
- Muhammad Asri Madmor, Tee Tze Kiong, Mohamed Nor Azhari Azman, Ridzwan Che Rus, Zaliza Hanapi, Jailani Md Yunos, YeeMei Heong dan Mimi Mohaffyza Mohamad (2016). Modul Peta Minda Buzan dan pencapaian

- pelajar pendidikan asas vokasional di Malaysia: Satu kajian keberkesanan. *Malaysian Journal of Society and Space*, 12 issue 3 (139 - 144)
- Nik Safiah Karim et al (2015). Tatabahasa Dewan Edisi Ketiga. Kuala Lumpur: Bahasa dan Pustaka.
- Noor Zila Md.Yusuf. (2015). *Bahasa Antara dalam Pembelajaran Bahasa Melayu sebagai Bahasa Kedua*. (Tesis Doktor Falsafah). Universiti Putra Malaysia, Serdang, Selangor.
- Nor Asree Mohd Noh dan Ab Halim Mohamad. (2017). *Jurnal AL-ANWAR, Persatuan Bekas Mahasiswa Islam Timur (PBMITT)*, Volume 4, No. 2, December 2017:1-19
- Norhasliza Ramli dan Zeckqualine Melai (November 2016). Imbuhan ter- dari perspektif Teori Relevans. *Journal of science and humanities*, 145-162 1
- Norlizah Mat Ali dan Fadzilah Abdul Rahman (November 2016). Sikap Guru Bahasa Melayu terhadap Pendekatan Pembelajaran Berasaskan Masalah (PBM) dalam Pengajaran dan Pembelajaran di Daerah Petaling Perdana. *International Journal of Education and Training (InjET)* 2(2) November: 1- 8
- Nurul Aisyah Abdullah, Zamri Mahamod dan Norazwa Hanum Nor Shaid (November 2016). Faktor-Faktor yang mempengaruhi Penulisan Karangan Bahasa Melayu Pelajar Sekolah Menengah. *Jurnal Pendidikan Bahasa Melayu*, Vol. 6, Bil. 2
- Richards, J. C., Platt, J. T., Weber, H. & Candlin C. N. (1992). Longman dictionary of applied linguistics. Essex: Longman.
- Richey, R. C. & Klein. J.D. (2007). *Design and Development Research: Methods, Strategies and Issues*. London: Eribaum.
- Roasharimah Ibrahim dan Zamri Mahamod. (2017). *Faktor Dalaman Yang Mempengaruhi Penguasaan Bahasa Melayu Murid Cina*. Tarikh diakses 7 November 2017 di <https://seminarserantau2017.files.wordpress.com/2017/09/2-roasharimah-ibrahim-zamri-mahamod.pdf>
- Roshidah Hassan. (Februari 2017). Gaya dan Strategi Pembelajaran Bahasa Melayu dalam kalangan Pelajar Perancis. *Journal of Language Studies*. Volume 17(1), 125-146
- Sabitha Marican. (2006). *Kaedah Penyelidikan Sains Sosial*. Petaling Jaya: Prentice Hall.
- Salinah Jaafar dan Rohaidah Haron (2016). Kesilapan Bahasa Melayu Dalam Kalangan pelajar Universiti Kebangsaan Yunnan Di Akademi Pengajian Melayu. *Jurnal Melayu* Bil.15 (2), 196-209
- Slavin, R. E. (2006). *Educational Psychology : Theory and Practice*. 8th.ed. United States of America: Pearson Education, Inc.
- Siti Nor Azhani Mohd Tohar, Adlina Ab Halim dan Ku Hasnita Ku Samsu (Mei 2017). Pengukuran Tahap Pemartabatan Bahasa Kebangsaan dalam kalangan Mahasiswa Institusi Pengajian Tinggi. *Journal of Language Studies*, Volume 17(2)
- Siti Norsyahida Mohd A Rashid, Nor Azuwan Yaakob dan Che Ibrahim Salleh (September 2015). *Penggunaan Bahasa Dalam Laman Blog Dari Aspek Morfologi*, *Journal of Business and Social Development*. Vol.3 Number 2, 34-50
- Slavin Robert. E (2000. *Educational psychology: Theory and Practise*. 6th.Ed. Singapore : Allyn and Bacon

- Suppiah Nachiappan, Kamarulzaman, Abd.Aziz Abd Shukor, Ramlah Jantan, Roslinda Mustapha dan Hazaliza Hamzah (2009). *Pembelajaran dan perkembangan pelajar*. Shah Alam: Oxford Fajar Sdn.Bhd
- Tay Meng Guat (2015). Pembelajaran menyeronokkan dalam pengajaran dan pembelajaran Bahasa Melayu. *Jurnal Penyelidikan IPG KBL*, Jilid 12
- Wong Shia Ho (2015). Tinjauan Tentang Penggunaan Bahasa Melayu Dalam Buku Teks Geografi Tingkatan Satu. *Jurnal Penyelidikan IPG KBL*, Jilid 12
- Zaliza Mohd Nasir dan Zaitul Azma Zainon Hamzah (2014). *Sikap dan motivasi pelajar terhadap pembelajaran Bahasa Melayu*. *Procedia - Social and Behavioral Sciences* 134:408-415
- Zamri Mahamod, Jamaludin Badusah, Nik Mohd Rahimi Nik Yusoff, Mohamed Amin Embi dan Sharala Subramaniam (Nov. 2014). Penggunaan dan Kekerapan Strategi Pembelajaran Bahasa Melayu dalam Kalangan Pelajar Warganegara Asing. *Jurnal Pendidikan bahasa Melayu*, vol.4, 25-35
- Zamri Mahamod (2015) *Strategi pembelajaran: Inventori cara belajar Bahasa Melayu*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Zamri Mahamod, Kamiliah Ayu Ab. Ghani dan Wan Muna Ruzanna Wan Mohammad (Mei 2016). Penggunaan Strategi Pembelajaran Bahasa Melayu dalam Kalangan Murid Cina berdasarkan Sikap dan Kemahiran Bahasa. *Jurnal Pendidikan bahasa Melayu*, Vol. 6, Bil. 1, 38-51
- Zamri Mahamod, Nik Mohd Rahimi Nik Yusoff, Mohd Mahzan Awang dan Chew Fong Peng (Mei 2017). Tahap Pemahaman, Penghayatan dan Pengamalan Jati Diri Bahasa Melayu dalam kalangan Pelajar aliran Pendidikan Universiti Awam. *Jurnal Pendidikan bahasa Melayu* Vol. 7, Bil.1 , 34-43

BIODATA PELAJAR



Amirra Shazreena Binti Aminul Razin berasal dari Banting, Selangor. Beliau telah mendapat pendidikan awal di SK Kampong Endah, Banting pada tahun 2000 hingga 2005 dan SMK Batu Laut, Selangor dari tahun 2006 hingga tahun 2010. Pada tahun berikutnya, beliau melanjutkan pelajaran ke Tingkatan 6 di SMK Telok Datok, Selangor. Selepas tamat pengajian di tingkatan 6 beliau mendapat tawaran ke Universiti Putra Malaysia pada peringkat Ijazah Sarjana Muda dalam bidang Linguistik dan Bahasa Melayu. Pada tahun 2017, beliau dianugerahkan Bacelor Sastera Bahasa dan Linguistik Melayu. Pada tahun yang sama, beliau terus menyambung pengajian ke peringkat Master dengan pengkhususan bahasa Melayu secara sepenuh masa di UPM.

SENARAI PENERBITAN

Penerbitan jurnal

- Amirra Shazreena, Vijayaletchumy Subramaniam dan Che Ibrahim Salleh. (November 2017). Peristilahan Bidang Fesyen daripada Bahasa Inggeris kepada Bahasa Melayu. *Jurnal Pertanika Mahawangsa*, Bil. 4, Isu 2
- Vijayaletchumy Subramaniam, Nadia Shuhada dan Amirra Shazreena. (Disember 2018). *Lajur Ampuh Membaca Bahasa Melayu (LAMBM) in The Teaching and Learning Process. Advances in Social Sciences Research Journal*, Vol.5, No. 12
- Amirra Shazreena dan Vijayaletchumy Subramaniam. (Januari 2019). Kesalahan penggunaan imbuhan awalan dan akhiran dalam kalangan Murid Sekolah Jenis Kebangsaan Tamil berdasarkan Teori Analisis Kesilapan Corder (1973). *Jurnal Antarabangsa Alam dan Tamadun Melayu*, Vol.7, Bil. 1

Penerbitan artikel

- Amirra Shazreena, Vijayaletchumy Subramaniam (2018) Penterjemahan manusia lawan *Google Translate* dalam Majalah Dewan Bahasa, Bil. 11, Nov. 2018.

Inovasi

- Lajur Ampuh Membaca Bahasa Melayu (LAMBM)



UNIVERSITI PUTRA MALAYSIA

PENGESAHAN STATUS UNTUK TESIS/LAPORAN PROJEK DAN HAKCIPTA

SESI AKADEMIK : _____

TAJUK TESIS/LAPORAN PROJEK :

PENGUASAAN IMBUHAN DALAM KALANGAN MURID BUKAN MELAYU

NAMA PELAJAR : AMIRRA SHAZREENA BINTI AMINUL RAZIN

Saya mengaku bahawa hakcipta dan harta intelek tesis/laporan projek ini adalah milik Universiti Putra Malaysia dan bersetuju disimpan di Perpustakaan UPM dengan syarat-syarat berikut :

1. Tesis/laporan projek adalah hak milik Universiti Putra Malaysia.
2. Perpustakaan Universiti Putra Malaysia mempunyai hak untuk membuat salinan untuk tujuan akademik sahaja.
3. Perpustakaan Universiti Putra Malaysia dibenarkan untuk membuat salinan tesis/laporan projek ini sebagai bahan pertukaran Institusi Pengajian Tinggi.

Tesis/laporan projek ini diklasifikasi sebagai :

*sila tandakan (v)

SULIT

(mengandungi maklumat di bawah Akta Rahsia Rasmi 1972)

TERHAD

(mengandungi maklumat yang dihadkan edaran Kepada umum oleh organisasi/institusi di mana penyelidikan telah dijalankan)

AKSES TERBUKA

Saya bersetuju tesis/laporan projek ini dibenarkan Diakses oleh umum dalam bentuk bercetak atau atas talian.

Tesis ini akan dibuat permohonan :

PATEN

Embargo _____ hingga _____
(tarikh) (tarikh)

Pengesahan oleh:

(Tandatangan Pelajar)
No Kad Pengenalan / No Pasport.:

(Tandatangan Pengurus Jawatankuasa Penyeliaan)
Nama:

Tarikh :

Tarikh :

[Nota : Sekiranya tesis/laporan projek ini SULIT atau TERHAD, sila sertakan surat dari organisasi/institusi tersebut yang dinyatakan tempoh masa dan sebab bahan adalah sulit atau terhad.]